

STPM Kertas 1 2018:

Soalan 4

- (a) Beri tiga kepentingan kumpulan wang rizab berkanun. (3 markah)
- (b) Maklumat yang diperoleh daripada buku akaun Koperasi Utara Berhad pada 31 Disember 2016 adalah seperti yang berikut:

Butiran	RM
Modal saham	248,000
Akaun untung rugi terkumpul	220,600
Kumpulan wang penebusan syer	80,560
Akaun rizab modal	3,000
Kumpulan wang rizab	140,940
Akaun belum bayar	500,000
Lain-lain belum bayar	58,400
Bangunan koperasi	45,000
Peruntukan susut nilai bangunan koperasi	9,000
Kenderaan	35,000
Peruntukan susut nilai kenderaan	14,000
Kelengkapan	6,000
Peruntukan susut nilai kelengkapan	2,400
Akaun belum terima	230,000
Penghutang skim pinjaman	180,620
Lain-lain belum terima dan deposit	30,650
Tunai di tangan dan di bank	425,305
Untung kasar	545,875
Lain –lain hasil	96,000
Belanja pentadbiran dan pengurusan	316,200
Inventori pada 31 Disember 2016	650,000

Maklumat tambahan:

- (1) Pemeriksaan oleh juruaudit dalaman mendapati pembayaran belanja pentadbiran dan pengurusan sebanyak RM14,000 belum direkodkan lagi.
- (2) Pinjaman yang dibuat oleh koperasi berjumlah RM255,000 telah tersilap masuk dalam akaun belum bayar. Sebanyak 25% daripada jumlah pinjaman itu perlu diselesaikan pada tahun 2017.
- (3) Lembaga pengarah bercadang membayar dividen sebanyak 8% atas modal saham anggota pada 31 Disember 2016.
- (4) Agihan berkanun seperti yang diklasifikasikan oleh Akta Koperasi 1993, diperuntukkan sebanyak 15% daripada keuntungan semasa. Honorarium lembaga pengarah sebanyak 2 % dan pindahan kepada kumpulan wang penebusan syer sebanyak 10% juga dilaksanakan pada tahun itu.

- (5) Peruntukan cukai bagi tahun 2016 dianggarkan berjumlah RM15,340.
(6) Sebanyak 20% daripada akaun penghutang skim pinjaman akan diterima pada tahun 2017.
(7) Polisi koperasi bagi peruntukan susut nilai aset tetap adalah mengikut kaedah garis lurus.

Aset tetap	Jangka usia guna
Bangunan	20 tahun
Kenderaan	10 tahun
Kelengkapan	5 tahun

Dikehendaki:

Sediakan bagi Koperasi Utara Berhad,

- (i) Penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, (9 markah)
(ii) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016. (8 markah)